

12/05/2002

Tunggulah pilihan raya satu lagi: PM (HL)

Jamhariah Jaafar

SHAH ALAM: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Barisan Nasional mampu memperoleh kemenangan lebih besar pada pilihan raya umum akan datang berdasarkan keyakinan rakyat yang semakin menebal terhadap parti pemerintah.

Kata Perdana Menteri, parti lawan patut berasa gentar dan takut kerana masa untuk mereka akan tiba tidak lama lagi.

"Pada pilihan raya 1999 lalu, ketika hangat orang membenci kerajaan, BN sanggup mengadakan pilihan raya dan menang dengan majoriti tiga perempat kerusi Dewan Rakyat.

"Ketika itu orang kata kita lemah dan hendak jatuh. Tunggulah pilihan raya satu lagi. Wahai parti lawan, orang dan isu yang kamu peralat itu sudah tidak menjadi isu lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis sambutan ulang tahun Umno ke-56 di Stadium Malawati di sini, semalam yang turut dihadiri Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan semua pemimpin tertinggi Umno.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, ketika ini parti-parti lawan yang tidak lama dulu mendakwa Umno sudah lemah dan tidak berpengaruh, pula berasa takut kerana isu yang dibawa selama ini tidak lagi menjadi isu.

Perdana Menteri juga menegaskan, Umno yang mewakili majoriti bangsa Melayu negara ini juga akan memastikan ketuanan Melayu tidak terus diperlekehkan oleh sesiapa juga, walaupun dunia luar.

Katanya, dunia sebenarnya hairan bagaimana bangsa Melayu yang pernah dijajah selama 450 tahun dan berpuak-puak, boleh bersatu menghadapi kuasa besar British semata-mata kerana faktor Malayan Union.

Beliau yang mengimbuai kembali sejarah bangsa Melayu yang memang dipandang lemah sejak mula dijajah Portugis pada 1511 sehingga Jepun dan kemudian masih mengharapkan terus dijajah British selepas Perang Dunia Kedua, berkata kelemahan itu akan bertukar menjadi kekuatan apabila mereka bersatu.

"Kalau kita tanya diri kita kenapa kita berjaya sedangkan (sebelum itu) kita begitu lemah... jawapannya adalah kerana kita bersatu padu.

"Orang yang lemah pun kalau bersatu akan menjadi kuat sehingga dapat menewaskan orang yang begitu kuat. Kerana itu perpaduan adalah sesuatu yang amat penting," katanya.

Dr Mahathir berkata, sikap tidak percaya masyarakat dunia terhadap kebolehan bangsa Melayu sebenarnya terus berlarutan sehingga ke hari ini, apabila ada saja pihak yang terus mengkritik setiap langkah kerajaan yang diterajui Umno.

Bagaimanapun, katanya sikap tegas dan kebijaksanaan kepimpinan bangsa Melayu dalam menangani sebarang krisis terutama pada akhir dekad lalu, berjaya membuka mata dunia yang kini semakin mengiktiraf kewibawaan bangsa pribumi Tanah Melayu ini.

"Kita sering diserang oleh orang asing kononnya negara kita tidak demokratik... mereka boleh kata hingga biru muka mereka, sehingga berbuih mulut mereka, kita tidak hairan sedikitpun.

"Kita juga diserang oleh penyangak mata wang dan kita atasi dengan cara kita sendiri bukannya meminta hutang atau mengemis dari IMF (Tabung Mata Wang Antarabangsa). Mereka yang mengecam kita berkata bahawa Malaysia akan runtuh kerana tidak mengikut nasihat mereka... tetapi mereka yang berkata

kita akan runtuh, satu demi satu telah digugurkan.

"Sekarang kita boleh lihat bagaimana daripada satu bangsa yang pernah dijajah, kita kini dikenali sebagai bangsa contoh yang dikenali seluruh dunia. Orang Melayu bukan bodoh, kepala otak kita sama juga dengan kepala otak mereka, walaupun kadang-kadang kita tidak berapa gunakan. Tapi apabila kita gunakan... aa tunggulah," katanya disambut meriah dengan sorakan daripada lebih 50,000 ahli Umno yang hadir.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menasihat bangsa Melayu supaya tidak berpuas hati dengan pencapaian yang ada kerana perjalanan di hadapan masih jauh.

Beliau berkata, sejarah Melayu yang membabitkan negara jiran patut menjadi pengajaran kepada bangsa Melayu di Malaysia, supaya tidak terlalu bergantung kepada tenaga asing sehingga akhirnya kehilangan tempat dan keistimewaan di negara sendiri.

Sehubungan itu katanya, bangsa Melayu perlu bekerja keras dan membuktikan kepada dunia bahawa mereka mampu melakukan sebarang perkara.

"Kita mempunyai tanggungjawab yang amat berat iaitu untuk memulihkan maruah bangsa kita. Kita mesti tunjuk pada dunia walaupun pernah dijajah selama 450 tahun tapi kita masih mampu untuk menjadi bangsa yang bermaruah dan dihormati seluruh dunia.

"Kita adalah bangsa yang tidak menuntut supaya dihormati tetapi melakukan segala-galanya dengan usaha sendiri," katanya.

(END)